

22 AUG 2001

Law-Angkasa

AGENSI ANGKASA NEGARA DILAKSANAKAN AKHIR TAHUN INI

PUTRAJAYA, 22 Ogos (Bernama) -- Cadangan penubuhan Agensi Angkasa Negara, yang terlewat dilaksanakan, akan dimulakan dalam masa dua atau tiga bulan lagi, kata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Seri Law Hieng Ding, hari ini.

"Jabatan Perkhidmatan Awam telah memberikan kelulusan bagi pengambilan kakitangan dan kini menghantar surat-surat tawaran... agensi itu akan beroperasi dalam masa dua atau tiga bulan lagi," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini, hari ini.

Beliau berkata kementerian masih belum mengenal pasti siapa yang akan menerajui agensi itu tetapi semua jawatan lain sedang diisi sekarang.

Agensi itu akan ditempatkan di Planetarium Negara tetapi buat permulaannya akan diletakkan di bawah kementerian.

Agensi Angkasa Negara ditubuhkan bagi menyelaraskan semua pembangunan angkasa di negara ini pada masa depan.

Mengenai pelancaran satelit ketiga Malaysia seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Uganda pada Isnin, Law berkata ia adalah satu perkembangan positif dengan negara-negara memabngun akan mendapat manfaat daripada penggunaan satelit itu.

"Kami bersedia untuk berkongsi satelit itu dengan negara lain di rantau ini, malahan, kami telah menerima permintaan daripada Thailand, Indonesia dan Singapura untuk menggunakan satelit kita yang sedia ada," katanya.

Dr Mahathir berkata satelit itu akan ditempatkan di Afrika bagi membolehkan rantau Asia dan negara-negara Afrika dapat berhubung dengan lebih baik dalam usaha merapatkan lagi hubungan sedia ada antara kedua-dua rantau itu.

-- BERNAMA

SR AHH NAK